



TAMADUN Angkor Wat menjadi daya tarikan pelancongan di Kemboja.

KIRI: Mokhtar (kanan) memberi penerangan kepada pakar-pakar arkeologi dunia mengenai tamadun Kompleks Arkeologi Sungai Batu yang tertua di Asia Tenggara.

Tapak tamadun tertua di Asia Tenggara

Kompleks Arkeologi Sungai Batu di Kedah lebih tua daripada Borobudur dan Angkor Wat

KOMPLEKS Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang, Sungai Petani, Kedah melakar sejarah buat negara apabila diisytihar secara rasmi sebagai tamadun terawal dan tertua di Asia Tenggara.

Acara bersejarah itu diabadikan melalui penyerahan plak pengisytiharan oleh pakar arkeologi daripada Universiti Oxford, Profesor Stephen Oppenheimer kepada Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global di Universiti Sains Malaysia, Profesor Datuk Mokhtar Saidin.

ia berlangsung pada majlis

Tinggalan arkeologi 2,000 tahun ditemui di Kedah



KERATAN Kosmo!
1 September 2015.

penutupan Festival Kedah Tua 2016 di kompleks berkenaan yang disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Agama, Pelancongan dan Warisan dan Kerja Raya Negeri Kedah, Datuk Mohd. Rawi Abd. Hamid yang mewakili Menteri Besar Kedah.


Lima pakar arkeologi mewakili lima tamadun

utama dunia iaitu Mesopotamia, Indus, Mesoamerica, China dan Greek-Rom menandatangani plak pengisytiharan itu.

Kompleks bersejarah berusia lebih 2,000 tahun itu jauh lebih tua berbanding Angkor Wat yang dibina pada abad ke-12 manakala candi Borobudur pada abad kesembilan.



CANDI Borobudur di Indonesia dibina pada abad kesembilan.



KAWASAN tapak peleburan besi, pelabuhan dan lokasi ritual yang ditemui hasil kerja-kerja penggalian di Kompleks Arkeologi Sungai Batu mendapati ia berusia lebih 2,000 tahun.

OPPENHEIMER (barisan kedua tengah) menyerahkan plak pengiktirafan Kompleks Sungai Tua sebagai tamadun terawal dan tertua di Asia Tenggara di Sungai Petani semalam.

Lima pakar tamadun dunia tandatangani plak pengiktirafan

Sah Sungai Batu tamadun tertua

SUNGAI PETANI – Kompleks Arkeologi Sungai Batu yang menjadi sebahagian daripada Tamadun Kedah Tua di sini akhirnya diiktiraf dan disahkan secara rasmi sebagai tamadun terawal dan tertua di negara ini sekali gus mengalahkan candi Angkor Wat di Kemboja dan Borobudur di Indonesia.

Tapak Arkeologi Sungai Batu, Lembah Bujang itu disahkan oleh pakar berusia lebih 2,000 tahun, manakala candi Borobudur yang dibina pada abad ke-9 berusia sekitar 1,200 tahun dan Angkor Wat pada abad ke-12 berusia 900 tahun. Acara bersejarah itu di-

Peta lokasi tapak Sungai Batu, Borobudur dan Angkor Wat



INFO Tapak Arkeologi Sungai Batu, Angkor Wat dan Borobudur

Tapak Arkeologi Sungai Batu,

- Lembah Bujang merangkumi keluasan kira-kira 300 kilometer persegi.
- Monumen ritual di Tapak Sungai Batu 1 yang telah pun disahkan secara saintifik berusia lebih 2,000 tahun.
- Tapak ini telah ditemui oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia pada tahun 2007
- Terletak kira-kira 10 kilometer dari bandar Sungai Petani

Angkor Wat

- Dibina oleh Raja Suryavarman II pada pertengahan abad ke-12
- Pembinaan kuil ini mengambil masa selama 30 tahun
- Terletak di Dataran Angkor, Siem Reap, Kemboja

Borobudur

- Kuil agama Buddha ini terletak di Jawa Tengah, Indonesia
- Dibina pada abad ke-9 oleh pemerintah

...balikan melalui penyerahan plak pengisytiharan oleh pakar arkeologi daripada Universiti Oxford, Profesor Dr. Stephen Oppenheimer kepada Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global di Universiti Sains Malaysia, Profesor Datuk Dr. Mokhtar Saidin (gambar kecil).



Ia berlangsung pada majlis penutupan Festival Kedah Tua 2016 di sini yang disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Agama, Pelancongan dan Warisan dan Kerja Raya Kedah, Datuk Mohd. Rawi Abd. Hamid yang mewakili Menteri Besar Kedah.

Menurut Mokhtar lebih bermakna, pengiktirafan itu diperakui lima pakar arkeologi mewakili lima tamadun utama dunia iaitu Mesopotamia, Indus, Mesoamerica, China dan Greek-Rom menandatangani plak pengisytiharan itu.

“Malangnya pakar arkeologi Mesir, Dr. Zahi Hawas, tidak hadir ke Persidangan Antarabangsa Kedah Tua menyebabkan kita tidak berjaya mendapatkan beliau untuk menandatangani plak itu.

“Beliau sepatutnya hadir sebagai pa-



KERATAN *Kosmo!*
1 September 2015.

kar tamadun Mesir, tetapi tidak dapat dihubungi pada saat akhir. Sekiranya ada keperluan untuk kita ke Mesir dan dapatkan tandatangannya, kita akan ke sana,” kata Mokhtar kepada *Bernama* semalam.

Menurutnya, pengisytiharan itu akan membantu melancarkan usaha mendapatkan pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) ke arah menjadikan Kompleks Arkeologi Sungai Batu sebagai Tapak Warisan Dunia.

Katanya, selain itu, ia juga akan membantu membangunkan tapak arkeologi itu sebagai produk arkeopelancongan.

“Tetapi apa yang lebih penting adalah bagaimana kita hendak menjalankan

usaha pemuliharaan tapak ini pada masa akan datang,” tambahnya.

Dalam pada itu, Pengarah Institut Arkeologi dan Antropologi Sosial di University of Peshawar, Pakistan, Prof. Nasim Khan berkata, beliau tidak meragui bahawa penemuan dan tarikh di tapak itu boleh dipercayai, kerana terdapat kaedah berbeza untuk pentarikhan di sesebuah tapak termasuk menganalisis bahan pepejal dan menggunakan kaedah saintifik seperti teknik pentarikhan karbon.

Persidangan Antarabangsa Kedah Tua yang berakhir semalam dianjurkan bersempena Festival Kedah Tua 2016 bagi mengetengahkan Tamadun Kedah Tua serta kepentingannya di rantau Asia Tenggara.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Agama, Pelancongan dan Warisan dan Kerja Raya Kedah, Datuk Mohd. Rawi Abd. Hamid berkata, pengisytiharan itu amat dinanti-nantikan kerana ia merupakan peluang untuk meletakkan negara khususnya Kedah sebagai lokasi tumpuan pelancong arkeologi.

“Tapak Arkeologi Sungai Batu bakal menjadi tumpuan pelancong dari seluruh dunia selepas diisytihar sebagai tamadun terawal dan tertua di Asia Tenggara.

“Lebih mengagumkan apabila ia juga jauh lebih tua berbanding candi Borobudur dan Angkor Wat,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

- Dibina pada abad ke-9 oleh pemerintah Jawa semasa Dinasti Salendra dan Sanjaya
- Mengambil masa pembinaan selama 50 tahun
- Berbentuk enam segi bujur dan mempunyai ketinggian tiga tingkat
- Kuil ini dihiasi 2,672 arca dan 504 stupa loceng